

# PENDIDIKAN

## Taming Mas UMSKAL johan Festival Tari IPT Borneo 2014

**K**UMPULAN tarian Taming Mas, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) muncul juara kategori kreatif Festival Tari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Borneo Ke-5 2014.

Dengan kemenangan itu, kumpulan Taming Mas memenangi Piala Pusingan Ketua Menteri Sarawak, piala rebutan dan wang tunai RM5,000.

Kumpulan bimbingan Mas Adi Alimin itu turut membawa pulang piala Kostum Terbaik bersama wang tunai RM2,000.

Festival Tari itu diadakan pada 12 -14 Disember lalu di Dewan Jubli, UiTM Sarawak selaku tuan rumah.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak Datuk Hajah Fatimah Abdullah menyempurnakan majlis perasmian.

Turut hadir Rektor UiTM Sarawak, Prof Dato' Dr Jamil Haji Hamali dan Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Sarawak, Prof Madya Dr Wan Akil Tuanku Abdullah.

Mas Adi selaku Ketua Kontinen UMSKAL bersama 11 pelajar (enam perempuan dan lima lelaki) serta dua pegawai iaitu Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMSKAL, Fadzli Sarudi dan Ismail Alimin.

Selain UMSKAL,



(atas) MAS Adi (empat kiri), Fadzli (tiga kiri) dan Ismail (empat kanan) bersama penari Taming Mas UMSKAL yang menjuarai kategori Kreatif Festival Tari Borneo 2014.

pertandingan kali ini menampilkan 12 kumpulan tarian dari UMS, UiTM Sarawak, UiTM Sabah, UNITAR Sarawak, UNIMAS, UPM Kampus Bintulu (UPMKB), Universiti Borneo Tarakan (UBT), Universiti Lambung Mangkurat (UNLAM), Universitas Palangkaraya

(UNPAR), Universitas Mulawarman (UNMUL) dan Universitas Tanjungpura (UNTAN).

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UMS Prof Madya Dr Ismail Ali mengalaukan penglibatan pelajar di persada antarabangsa dan kebangsaan dalam pelbagai bidang pada masa akan datang," katanya sambil mengucapkan tahniah atas kejayaan kumpulan Taming Mas berkenaan.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berharap kejayaan kumpulan tarian Taming Mas itu akan meningkatkan semangat pelajar UMS untuk terus mencipta

(bawah) SEMUA kumpulan tarian yang mengambil bahagian bergambar kenangan sempena Festival Tari IPT Borneo 2014 di UiTM Sarawak.



nama di persada antarabangsa dan kebangsaan.

"Saya berharap kejayaan itu akan memberi motivasi kepada pelajar UMS untuk terus mencipta nama di persada antarabangsa dan kebangsaan dalam pelbagai bidang pada masa akan datang," katanya sambil mengucapkan tahniah atas kejayaan kumpulan Taming Mas berkenaan.

Kumpulan tarian Taming Mas yang menyertai Kategori Tari Etnik Kreatif dengan tajuk tarian Kiyap Abing (Kipas Terbuka) dalam bahasa Kadayan yang bermaksud Kipas Terbuka merupakan satu alat yang digunakan semasa majlis bersandingan masyarakat Kadayan di Labuan.

Tari itu diolah dan dieksplor secara kreatif menggunakan 'Kiyap' dengan gambaran dahulunya

wujud perkahwinan campur di antara masyarakat Brunei-Kadayan-Jawa (Melayu Kadayan) sejak zaman berdekad lamanya.

Garapan gerak tari menggunakan Kiyap mencerminkan kehidupan harian masyarakat Labuan dahulunya sebagai nelayan dan petani yang hidup di pedalaman dan pesisir pantai secara berkelompok. Kiyap diangkat sebagai simbol kesepakatan dan kesatuan dalam tari Kiyap Abing.

Sementara itu, Fadzli mengucapkan terima kasih kepada Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Hali di atas sokongan dan komitmen beliau sehingga kumpulan Taming Mas berjaya mengharumkan nama UMS secara keseluruhan di Kepulauan Borneo pada tahun ini.